



SURAT PEMBERITAHUAN

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM JABATAN PERDANA MENTERI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BILANGAN : 15/2023

Yang Amat Mulia/Yang Dimuliakan/Yang Mulia
Setiausaha-Setiausaha Tetap
Ketua-Ketua Jabatan
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

(Sila Rujuk Pembahagian)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

BUKU PANDUAN PERKHIDMATAN KAUNSELING DAN BUKU KOD ETIKA KAUNSELING

Dengan hormat sukacita memaklumkan bahawa, Alhamdulillah, Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam telahpun sempurna mengadakan Majlis Pelancaran (*Soft Launching*) buku-buku terbitan Bahagian Perkhidmatan Kaunseling, Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu Buku Panduan Perkhidmatan Kaunseling dan Kod Etika Kaunseling pada 23 Zulhijjah 1444 bersamaan 12 Julai 2023 (Hari Rabu) bertempat Dewan Serbaguna At-Taqwa, Tingkat 12, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Awam.

Dalam pada itu, sukacita memaklumkan bahawa perisian dan kandungan buku-buku ini boleh didapati melalui **Quick Response Code (QR Code)** yang disertakan atau di laman sesawang Jabatan ini iaitu <https://www.jpa.gov.bn/SitePages/e-Buku.aspx> (E-Buku).

والله ولي التوفيق

"Perkhidmatan Awam Berintegriti dan Berinovasi Pemangkin Pembangunan Negara"
"Melayu Islam Beraja, Pegangan Belia Brunei"


[DR NORFARIZAL BIN OTHMAN]
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Tarikh : 02 Safar 1445
19 Ogos 2023

Rujukan : JPA/5.1/110

**Quick Response Code (QR Code) bagi Buku-Buku Terbitan,
Bahagian Perkhidmatan Kaunseling,
Jabatan Perkhidmatan Awam**

